

## MUSIBAH YANG TIDAK BERKESUDAHAN

K

ejadian banjir adalah perkara tidak asing lagi buat penduduk-penduduk di Kota belud.

Setiap kali hujan turun sepanjang hari, penduduk yang sering kali mengalami kejadian banjir ini akan bersiap sedia untuk memastikan banjir tidak merosakkan peralatan dirumah dengan menyimpan barang-barang di tempat yang lebih tinggi. Mereka ibarat sudah lali dengan keadaan banjir yang tiada kesudahan. Kekerapan banjir sejak tahun 2017 ini telah banyak memberi kerugian dan kerosakan harta benda penduduk Kota belud

*Kota Belud dilanda banjir akibat hujan lebat. Foto: Lim Sun Ming*



Antara kampung yang sering terlibat dengan banjir adalah Kg Jawi-Jawi, Kg Donggoi, Kg Marajah, Kg Gunring, Kg Sadok-Sadok, Kg Sembirai, Kg Lingkodon, Kg Linau, Kg Lebak Moyoh, Kg Bobot, Kg Suang Punggur, Kg Menunggui, Kg Song-Song, Kg Sangkir, Kg Karang Benai, Kg Bota Bungan dan Kg Kota Belud



Setakat ini, belum ada sebarang perlaksanaan yang berjaya dalam menangani masalah banjir ini walaupun sudah beberapa kali penduduk menyuarakan isu ini. Kedalaman parit untuk laluan air hujan yang hampir sama dengan ketinggian jalan raya di laluan baru yang menghubungkan tiga daerah iaitu, Kota Kinabalu, Kudat dan Kota Belud adalah merupakan antara penyebab utama kejadian banjir ini.

Selain itu, kejadian banjir ini juga disebabkan gempa bumi pada tahun 2015, apabila sungai-sungai menjadi cetek disebabkan limpahan lumpur

daripada gempa tersebut. Ditambah pula dengan pembangunan yang tidak teratur menyebabkan aliran mata air tersumbat.

Pelbagai inisiatif yang terpaksa diambil sendiri oleh penduduk Kampung sekitar Kota belud seperti membeli bot persendirian, menggali parit di sekitar kawasan rumah, menyediakan tempat tinggi yang khas untuk simpanan barang-barang semasa banjir, dan memastikan bekalan air bersih mencukupi kerana semasa banjir, air paip juga sering terputus.

Antara langkah-langkah yang boleh dilaksanakan ialah pembaikan sistem saliran dan perparitan terutama di kawasan utama aliran air hujan. Longkang dan parit perlu dibersihkan daripada sampah dan lumpur. Selain itu, pembangunan yang tidak teratur yang menyebabkan kawasan tadahan air tertutup, perlu dikaji semula disamping penguatkuasaan undang-undang dan akta berkaitan dengan pembangunan tanah dan lereng berbukit. Perlaksanaan kerja pengorekkan pasir juga perlu lebih proaktif memandangkan kekerapan banjir pada tahun ini semakin meningkat. Justeru itu, isu banjir di Kota Belud ini perlu diselesaikan secepat mungkin kerana



ianya bukan sahaja menyebabkan kerosakan dan kerugian barang yang bernilai, malah turut mengancam keselamatan penduduk sekiranya terperangkap di kawasan banjir yang boleh berlaku secara tiba-tiba dan haiwan berbisa masuk ke dalam rumah ketika banjir.



Kota Belud dilanda banjir akibat hujan lebat. foto FB:Info Banjir Kota Belud

Disediakan oleh: Shafinaz Naim & Dr. Andi Tamsang Andi Kele

Pensyarah

Universiti Malaysia Sabah